



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGONJRA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

5 OGOS 2020 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH, PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

5 OGOS 2020 (RABU)



3,738 kes tempah barang 'bunian'

'Pakar kelentong' rancak jalankan operasi sepanjang wabak Covid-19

ANGGOTA Penguat Kuasa KPDNHEP menjalankan pemeriksaan di semua premis seluruh negara.

Oleh Mohd Jamil Anbia Md Denin
 anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ramai 'pakar kelen-tong' dikesan rancak menipu orang ramai sepanjang Covid-19 dengan menjual pelbagai produk yang tidak wujud sama sekali.

Perkara itu dibuktikan apabila 3,738 kes penipuan dan aduan diterima pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-

NHEP) membabitkan pengguna yang mendakwa tidak menerima barangan atau perkhidmatan dijanjikan selepas melakukan transaksi dalam talian.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, aduan berkaitan transaksi atas talian berhubung barangan tidak diterima pelanggan jelas meningkat berbanding ketika awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac lalu.

Menurutnya, aduan pengguna yang tidak menerima barangan atau perkhidmatan dijanjikan selepas berurusan di dalam talian meningkat daripada 312 kes ketika fasa awal PKP kepada 1,191 kes sepanjang Perintah Kawalan

“**666 aduan barang, perkhidmatan tak sama macam jualan atas talian**”
 Iskandar Halim Sulaiman

Pergeraan Pemulihan (PKPP).
 “Selain itu, 666 aduan diterima kami mem-

babitkan barang atau perkhidmatan yang diterima tidak seperti ditawarkan melalui penjualan atas talian.

“KPDNHEP turut menerima 133 aduan berhubung harga barang dan perkhidmatan yang mengelirukan, 60 kes aduan penjualan tiruan di dalam talian serta 21 kes tidak memamer 8 perkara urus niaga perdagangan ‘elektronik,’ katanya.

Menurutnya, selain isu transaksi atas talian, pihaknya turut menerima aduan perkhidmatan mengelirukan membabitkan 1,176 (perkhidmatan tidak seperti ditawarkan) dan 922 kes (perkhidmatan tak diterima).

Iskandar berkata, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac hingga 1 Ogos lalu, pihak KPDNHEP sudah melakukan pemeriksaan dan pemantauan premis perniagaan, bekalan dan harga di seluruh negara.

“Sepanjang tempoh PKP fasa 1 hingga 4, KPDNHEP melakukan 43,980 pemeriksaan terhadap peruncit,

pemborong dan pengilang di seluruh negara.

“Ini diikuti 76,285 pemeriksaan pada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP),” katanya.

Selain itu berdasarkan laporan Seksyen Taktikal dan Serbuan (STAS) KPDNHEP, pihaknya menerima 19,355 aduan melalui WhatsApp, 16,527 (sistem E-Aduan), 6,866 (talian Hotline) dan 2,298 (Enforcement Command Centre).

“Hasil 45,046 aduan diterima itu, pihak KPDNHEP melakukan siasatan dan tindakan sebelum 531 kes diambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang.

“Aduan bekalan dan harga tertinggi diterima KPDNHEP membabitkan 1,012 kes membabitkan pelitup muka, 406 (makanan), 194 (bawang), 217 (produk makanan dan minuman dalam bungkusan atau tin), 234 (sayur), 516 (barangan umum) dan 2,308 (lain-lain produk) sejak PKP bermula,” katanya.

RM1,450 deposit kereta hangus ditipu

Suara Pengguna

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM - Seorang kerani wanita mengalami kerugian sebanyak RM1,450 apabila diperdayakan seorang individu dalam penjualan kereta terpakai pada harga murah hujung tahun lalu.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Ina, 36, memberitahu, insiden malang itu bermula apabila dia melihat iklan sebuah kereta terpakai jenis Honda City yang dijual pada harga RM6,999 di portal e-dagang pada 31 Disember lalu.

"Saya kemudian telah menghubungi nombor tertera dan diminta membayar wang deposit sebagai cagaran pembelian oleh jurujual berkenaan.

"Pembayaran deposit telah dilakukan saya sebanyak dua kali ke dalam akaun diberikan jurujual tersebut pada awal Januari lalu," katanya ketika ditemui Kosmo! di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) Selangor di sini semalam.

Ina berkata, bagaimanapun dia terkejut apabila mendapati iklan tersebut telah dipadamkan selain turut gagal menghubungi lelaki tersebut sehingga ke hari ini.

Sehubungan itu, dia yang baru selesai berpantang tampil memfailkan tuntutan di TTPM negeri untuk tindakan lanjut.

Presiden R. Nadarajan sama-



INA menunjukkan borang tuntutan pemulangan deposit kereta yang difailkan di TTPM Shah Alam semalam.

lam memerintahkan syarikat yang mengiklankan jualan kereta itu membayar tuntutan penuh itu dalam tempoh 14 hari bermula tarikh perintah dikeluarkan.

Kegagalan pihak penentang mematuhi perintah itu boleh

dikenakan tindakan mengikut Seksyen 117 Akta Pelindungan Pengguna (APP) 1999 yang memperuntukkan denda tidak lebih RM5,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.



Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (kg)
• Ayam	RM5.29
• Daging Lembu Tempatan	RM34
• Daging Lembu Import	RM20
• Telur Gred A (30 biji)	RM9.70
• Ikan Kembung	RM6.99
• Minyak Masak	RM5.10
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM1.90
• Bawang Putih	RM3.69
• Cili Merah	RM6.20
• Kubis Tempatan	RM1.50
• Tepung Gandum	RM2.15

Sumber: KPDNHEP